

PENGHASILAN DAN PENILAIAN MODUL PENGAJARAN KENDIRI  
“PROSEDUR PENUBUHAN SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD”  
DALAM USAHA MELAHIRKAN SISWAZAH USAHAWAN.

FAIZATUL HAFLAH BINTI ABD HALIM

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2002

**Untuk abah dan emak yang disayangi dan dikasihi :**

Abdul Halim bin Othman dan Ramlah binti Ahmad.

**Untuk abang-abangku..**

Ahmad Faisol, Ahmad Faiz dan Fakrul Hizam.....

**Kepada kakak-kakakku..**

Wan Nor Sarina dan Nor Azlina...

**Tidak dilupakan “my chubby nephew”...**

Mohd. Faris Azril...

Serta rakan-rakan seperjuangan sekalian.....



## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia projek sarjana iaitu, Tuan Haji Ali bin Suradin atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan projek sarjana ini.

Ucapan ribuan terima kasih juga diberikan kepada Dr. Maizam binti Alias serta Encik Berhanudin bin Mohd. Salleh atas kerjasama mereka selaku pembaca kedua dan penilai. Segala teguran dan komen yang diberikan adalah dihargai.

Kerjasama yang di berikan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Johor di dalam menyalurkan maklumat yang berguna dalam menyiapkan Modul Pengajaran Kendiri “Prosedur Penubuhan Syarikat Sendirian Berhad” amatlah dihargai.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek sarjana ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada tenaga pengajar Universiti Utara Malaysia yang membantu memberikan maklumat bagi memantapkan lagi projek yang dijalankan. Rakan-rakan, Watie, Norlela dan Nor Hasni yang banyak membantu mendapatkan maklumat untuk tujuan penyelidikan.

## ABSTRAK

Para pendidik sedar akan kewujudan perbezaan individu di kalangan para pelajar. Dalam beberapa keadaan, mereka mampu untuk membantu meringankan kesulitan yang dihadapi pelajar berkenaan. Walau bagaimanapun, dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebenar, kita dapat bahawa para pelajar biasanya terikat pada turutan pengajaran dan bahan-bahan pembelajaran yang sama. Salah satu cara yang boleh digunakan untuk menangani masalah ini ialah mengindividukan pengajaran dengan menggunakan modul pengajaran kendiri (MPK). Langkah ini akan membolehkan kemudahlenturan dari segi pemilihan dan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran serta sedikit ruang kebebasan kepada pelajar untuk meneruskan proses pembelajaran. Berdasarkan kepada perkara ini, satu modul pengajaran kendiri “Prosedur Penubuhan Syarikat Sendirian Berhad” dihasilkan bagi membantu pelajar kursus Diploma Akauntansi dan pensyarah di Jabatan Perdagangan, POLIMAS. Objektif kajian ini adalah untuk menghasilkan MPK yang dapat meningkatkan tahap pemahaman pelajar serta mengalpasti tahap kebolehlaksanaannya. Set soalan ujian dan borang penilaian meruapkan instrumen yang digunakan di dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan nilai min pasca-ujian adalah lebih tinggi iaitu 20.73 berbanding min pra-ujian iaitu 16.80 dengan peningkatan sebanyak 3.93. Manakala nilai purata min bagi penilaian tahap kebolehlaksanaan MPK adalah 3.8313. Ini jelas membuktikan bahawa MPK yang dihasilkan adalah amat sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran masa kini. Oleh itu, dicadangkan agar diadakan bengkel penghasilan modul bertujuan menggalakkan pengajaran bermodul serta menghasilkan MPK bagi semua mata pelajaran yang diajar di politeknik.

## ABSTRACT

Our educators was realized the individual difference between all the students. In this situation, they can help the student to solve this problem. However, in the real teaching an learning process, we defined that all the students were using the same material in their learning process. These method are flexible by optional and using of learning resources and it will give the student more chances to continue their learning process. According to this purpose, self-learning module in topic procedure to registered company was produced to enhance student in Diploma Accountancy and lecturers for commerce department. POLIMAS to taking off. The objectives of this study are to produce MPK where it can improve level of understanding among students and identifying level of usefulness. This study was executing using questionnaire and sets of question for the test as an instrument to get the data. This data was analysis in SPSS program to get the frequency, percentage and mean. The results of this study have shown that mean of post test was very high at 20.73 compare to mean of pre test just 16.80 which is increased about 3.93. Besides that, value of mean average for level of usefulness assessment for MPK is 3.8313. It's clearly approved that MPK had produced are appropriate as a learning and teaching resources. From this study, were suggested that module's making workshop should organize, encouraging the modules' teaching and producing MPK for all subject which able in polytechnics.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAI
	PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PERAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi

### 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar belakang masalah	2
1.2	Penyataan masalah	3
1.3	Objektif kajian	5
1.4	Persoalan kajian	6

1.5	Kepentingan kajian	6
1.5.1	Pensyarah politeknik	7
1.5.2	Pelajar politeknik	7
1.6	Skop kajian	8
1.7	Kerangka operasi	8
1.8	Definisi istilah	10
1.8.1	Modul	10
1.8.2	Prosedur penubuhan syarikat	11
1.8.3	Suruhanjaya Syarikat Malaysia	11
1.8.4	Akta Syarikat 1965	13
1.8.5	Usahawan	13
1.9	Penutup	14

## **II SOROTAN PENULISAN**

2.0	Pendahuluan	15
2.1	Proses pengajaran	16
2.2	Pengajaran penyelesaian masalah	18
2.3	Kaedah “ <i>Mastery Learning</i> ”	19
2.4	Kelebihan menggunakan modul sebagai bahan pengajaran	20
2.5	Memperkenalkan program Keusahawanan kepada pelajar kejuruteraan UTM	21
2.6	Hubungan antara pendidikan Keusahawanan dengan pembentukan perniagaan	22
2.7	Faktor mempengaruhi pelajar terlibat dengan Program Keusahawanan	23
2.8	Penutup	24

<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0	Pendahuluan	25
3.1	Rekabentuk kajian	25
3.2	Saiz sampel dan tempat kajian	26
3.3	Populasi kajian	27
3.4	Saiz sampel kajian	27
3.4.1	Sampel A	27
3.4.2	Sampel B	28
3.5	Kajian rintis	28
3.6	Instrumen kajian	29
3.6.1	Modul pengajaran kendiri	29
3.6.2	Borang penilaian	30
3.6.3	Set ujian penilaian	30
3.7	Analisis data	31
3.8	Keesahan dan kebolehpercayaan	32
3.9	Jangkamasa kajian	33
3.10	Penutup	33
<b>IV</b>	<b>REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK</b>	
4.0	Pendahuluan	34
4.1	Latar belakang teori penghasilan produk	34
4.2	Rekabentuk produk	35
4.2.1	Bentuk dan ciri-ciri produk	37
4.2.2	Kronologi pembinaan produk	39
4.2.3	Permasalahan dalam membina produk	43
4.2.4	Bahan, kos dan masa membina produk	43
4.2.4.1	Bahan	43

4.2.4.2	4.2.4.2.1	4.2.4.2.1.1	44
4.2.4.2	4.2.4.2.2	4.2.4.2.2.1	44
4.3	Penilaian produk		45
4.3.1	Pemilihan dan pembinaan instrumen untuk menilai produk		45
4.3.2	Pemilihan sampel kajian		46
4.3.3	Fokus penilaian		47
4.3.3.1	4.3.3.1.1 Persembahan yang menarik dan mudah difahami		47
4.3.3.2	4.3.3.2.1 Penggunaan carta ahir yang bersesuaian		47
4.3.4	Cadangan pembaikan		48
4.4	Penutup		49

## V

### **PENEMUAN KAJIAN DAN PERUMUSAN KAJIAN**

5.0	Pendahuluan		49
5.1	Latar belakang responden		49
5.1.1	Pensyarah		50
5.1.1.1	5.1.1.1.1 Jantina responden		51
5.1.1.2	5.1.1.2.1 Kumpulan umur responden		51
5.1.1.3	5.1.1.3.1 Bidang pengkhususan		51
5.1.1.4	5.1.1.4.1 Tempoh pengalaman mengajar		52
5.1.1.5	5.1.1.5.1 Tempoh pengalaman mengajar Keusahawanan		53
5.1.2	Pelajar		54
5.1.2.1	5.1.2.1.1 Jantina responden		54
5.1.2.2	5.1.2.2.1 Kumpulan bangsa responden		55
5.1.2.3	5.1.2.3.1 Kumpulan umur responden		56

5.1.2.4 Kelayakan akademik	56
5.2 Tahap pemahaman responden terhadap prosedur penubuhan	57
5.2.1 Pengetahuan sedia ada tentang syarikat	58
5.2.2 Pengetahuan sedia ada tentang prosedur penubuhan syarikat	59
5.2.3 Kepentingan pelajar politeknik diberi pendedahan tentang prosedur penubuhan syarikat	60
5.2.4 Kursus pengajian pelajar yang wajar diberi pendedahan	61
5.2.5 Kaedah yang sesuai untuk memberi pendedahan	62
5.3 Kesan penggunaan MPK	63
5.3.1 Analisis skor markah pra-ujian	63
5.3.2 Analisis skor markah pasca-ujian	65
5.3.3 Perbandingan skor markah	66
5.3.4 Perbezaan min bagi pemboleh ubah untuk Pra-ujian dengan pasca-ujian	67
5.4 Kebolehlaksanaan MPK	69
5.4.1 Pemahaman	70
5.4.2 Isi kandungan	72
5.4.3 Sifat “ <i>user friendly</i> ”	76
5.4.4 Aktiviti pembelajaran	80
5.5 Analisis perbandingan purata min	84
5.6 Penutup	84

<b>VI</b>	<b>KESIMPULAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
6.0	Pendahuluan	85
6.1	Perbincangan Kajian	86
6.2	Mengenalpasti kesan penggunaan MPK	86
6.3	Menilai kebolehlaksanaan penggunaan MPK	87
6.4	Cadangan	88
6.4.1	Cadangan hasil dapatan kajian	88
6.4.2	Mengkomersialkan MPK	88
6.4.3	Penghasilan MPK	89
6.4.4	Kaedah untuk memberi pendedahan kepada pelajar	89
6.5	Kesimpulan	90
6.6	Penutup	91
<b>RUJUKAN</b>		92
<b>LAMPIRAN</b>		99

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Persampelan dan populasi kajian	27
4.1	Jadual gerak kerja	39
5.1	Responden Kumpulan A mengikut jantina	50
5.2	Responden Kumpulan A mengikut umur	51
5.3	Responden mengikut bidang pengkhususan	52
5.4	Tempoh pengalaman mengajar	53
5.5	Pengalaman mengajar Keusahawanan	54
5.6	Kursus wajar diberi pendedahan	61
5.7	Taburan kekerapan skor pra-ujian	64
5.8	Analisis statistik deskriptif pra-ujian	64
5.9	Taburan kekerapan skor pasca-ujian	65
5.10	Analisis statistik deskriptif pasca-ujian	65
5.11	Analisis min bagi skor pra dan pasca ujian	67
5.12	Keputusan signifikan perbezaan min	68
5.13	Skala tafsiran julat min	69
5.14	Ringkasan bagi aspek pemahaman (pelajar)	70
5.15	Jadual analisis min bagi aspek pemahaman	71
5.16	Ringkasan bagi aspek pemahaman (pensyarah)	72
5.17	Ringkasan bagi aspek isi kandungan (pelajar)	73
5.18	Jadual analisis min bagi aspek isi kandungan	75
5.19	Ringkasan aspek isi kandungan (pensyarah)	76

5.20	Ringkasan aspek sifat “ <i>user friendly</i> ”(pelajar)	77
5.21	Analisis min aspek sifat “ <i>user friendly</i> ”	79
5.22	Ringkasan aspek “ <i>user friendly</i> ”(pensyarah)	80
5.23	Ringkasan aspek aktiviti pembelajaran (pelajar)	81
5.24	Analisis min aspek aktiviti pembelajaran	82
5.25	Ringkasan aktiviti pembelajaran (pensyarah)	83
5.26	Jadual ringkasan kesesuaian MPK	84
6.1	Perbandingan skor markah pra dan pasca ujian	86

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka operasi	9
2.1	Proses pengajaran	16
4.1	Carta alir aktiviti P&P dalam (PB)	29
5.1	Pecahan pelajar mengikut jantina	55
5.2	Pecahan pelajar mengikut bangsa	55
5.3	Pecahan pelajar mengikut umur	56
5.4	Pecahan pelajar mengikut akademik	57
5.5	Sumber maklumat berkaitan Sykt Sdn Bhd	58
5.6	Pengetahuan tentang prosedur penubuhan	59
5.7	Semester pengajian yang diberi pendedahan	60
5.8	Kaedah yang sesuai memberi pendedahan	62
5.9	Perbandingan skor pra-ujian dan pasca-ujian	66
5.10	Analisis min bagi aspek pemahaman	71
5.11	Analisis min bagi aspek isi kandungan	74
5.12	Analisis min bagi aspek sifat “ <i>user friendly</i> ”	78
5.13	Analisis min bagi aspek aktiviti pembelajaran	82

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Surat pengesahan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia	99
B	Set soalan bagi pra-ujian	100
C	Set soalan bagi pasca-ujian	102
D	Set borang soal selidik bagi pensyarah	103
E	Set borang soal selidik bagi pelajar	108
F	Surat kebenaran membuat kajian	113
G	Modul pengajaran kendiri “Prosedur Penubuhan Syarikat Sendirian Berhad”	114



## **SENARAI SINGKATAN**

SSM	- Suruhanjaya Syarikat Malaysia
ROC	- Pendaftar Syarikat
MPK	- Modul Pengajaran Kendiri
POLIMAS	- Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
DAT	- Diploma Akauntansi
KUiTTHO	- Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn





## **BAB 1 :**

---

### **PENGENALAN**

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Dalam usaha untuk melahirkan siswazah usahawan, pendidikan yang berkaitan dengan perniagaan wajar diajar kepada para pelajar (Noor Haizan Bt. Bekri, 1996). Salah satu maklumat penting yang perlu disalurkan kepada pelajar yang mengikuti mata pelajaran Keusahawanan adalah berkaitan dengan urusan Kesetiausahaan Syarikat iaitu dari segi prosedur untuk menujuhkan syarikat.

Pada tahun 1995, kerajaan telah memberikan mandat kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dalam menyediakan satu garis panduan untuk melahirkan lebih banyak usahawan di kalangan pelajar bumiputera. Menurut Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed, garis panduan itu akan menekankan kepada aspek pendidikan, latihan kemahiran dan keusahawanan bagi mencapai kecemerlangan di dalam bidang keusahawanan di kalangan pengusaha bumiputera. Usaha ini akan diterapkan kepada pelajar-pelajar di peringkat pengajian tinggi dengan memberikan pendedahan kepada pelajar dengan memberikan pendidikan secara teori dan amali (Yustri Sahat, 1995).

Kajian ini berhubung dengan penghasilan dan penilaian modul pengajaran bagi tatacara dan prosedur-prosedur penubuhan Syarikat Sendirian Berhad untuk dijadikan garis panduan kepada pelajar yang mengikuti kursus Keusahawanan bertujuan untuk melahirkan siswazah usahawan apabila mereka tamat pengajian kelak.

### 1.1 Latar Belakang Masalah

Politeknik ditubuhkan bertujuan untuk melahirkan tenaga pelatih separa mahir dan mahir dalam jurusan-jurusan yang berkaitan dengan bidang pengkhususan di peringkat sijil dan diploma iaitu Perdagangan , Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal dan juga Kejuruteraan Awam. Pelajar-pelajar Politeknik adalah terdiri daripada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan juga Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

Dahulunya, Politeknik di Malaysia telah mewajibkan setiap pelajarnya mengikuti mata pelajaran Keusahawanan pada semester akhir pengajian. Mata pelajaran Keusahawanan ini diajar kepada pelajar bagi memberikan pendedahan awal berkaitan dengan bidang keusahawanan dan perniagaan sebagai memenuhi sebahagian syarat untuk dianugerahkan Sijil atau Diploma. Namun kini, mata pelajaran Keusahawanan hanya diajar kepada pelajar-pelajar semester akhir bagi Jabatan Perdagangan sahaja. Pendedahan mata pelajaran ini kepada para pelajar politeknik adalah diharapkan dapat menarik minat kepada mereka untuk menceburι bidang perniagaan apabila mereka tamat belajar kelak.

Terdapat tiga faktor utama yang mendorong pelajar ini untuk menceburι bidang perniagaan atau keusahawanan iaitu, dari segi pengalaman menjalankan perniagaan, minat yang mendalam serta latar belakang pendidikan yang diperolehi

berkaitan dengan bidang perniagaan. Ketiga-tiga faktor berkenaan dapatlah dikaitkan dengan faktor dalam individu yang mempengaruhi mereka untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan (Nor Shamsun bt. Haji Lateh, 1996).

Walaupun kursus Keusahawanan diperkenalkan di setiap politeknik dan diwajibkan kepada pelajaran bagi Jabatan Perdagangan, namun isi kandungan dan pendedahan kursus berkenaan tidak mencukupi untuk melahirkan seorang pelajar yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi bagi melibatkan diri dalam bidang pendidikan. Dalam kursus ini, pelajar tidak diberikan pendedahan secara mendalam mengenai tatacara atau prosedur yang diperlukan untuk menubuhkan syarikat. Isi kandungan kursus ini hanya meliputi mengenai cara-cara untuk memulakan perniagaan dari segi kedudukan kewangan iaitu untuk mendapatkan modal, proses memulakan perniagaan dan ciri-ciri perniagaan. Oleh itu, menerusi penghasilan modul pengajaran kendiri (MPK) "Prosedur Penubuhan Syarikat Sendirian Berhad" ini adalah diharapkan dapat membantu pelajar dalam memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada mereka yang berkaitan dengan urusan-urusan perniagaan.

## 1.2 Penyataan Masalah

Isu mengenai keusahawanan sering diperkatakan di Malaysia di pelbagai peringkat. Hasrat kerajaan untuk melahirkan para usahawan pernah diutarakan oleh Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr Mahathir dalam Mesyuarat Majlis Perniagaan Malaysia (MPM) pada 28 Februari 1999. Jumlah siswazah yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan masih pada tahap yang menyediakan. Program keusahawanan telah diperkenalkan pada peringkat pengajian tinggi di Malaysia pada tahun 1975 dengan penubuhan Pusat Pembangunan Keusahawanan (MEPEC) di Institut Teknologi Mara, Shah Alam (Taufik Mohd. Salleh, 1999).

Keusahawanan di Malaysia masih belum mencapai tahap yang membanggakan dan sepatutnya. Ramai di kalangan graduan tempatan lebih suka mencari kerja tetap bagi memperolehi gaji yang tetap daripada menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Ini mungkin disebabkan ramai yang menganggap untuk memulakan perniagaan sendiri memerlukan proses yang panjang dari segi pinjaman kewangan dari institusi kewangan, prosedur menubuhkan syarikat dan sebagainya. Pada tahun 1999, penubuhan syarikat baru telah mengalami peningkatan sebanyak 47.4% berbanding dengan tahun sebelumnya (Mastura bt Ghazali ,1999). Oleh itu, adalah penting untuk memberikan pengetahuan kepada pelajar mengenai prosedur atau tatacara penubuhan syarikat sendirian berhad dalam mata pelajaran Keusahawanan.

Isu mengenai sikap pelajar terhadap bidang Keusahawanan telah mendapat perhatian di kalangan pendidik dan pihak kerajaan. Dalam hal ini, masyarakat telah memberikan harapan yang tinggi kepada politeknik sebagai salah sebuah institusi pengajian yang utama untuk mengembangkan sifat dan minat pelajar untuk menceburi dalam bidang keusahawanan. Menurut laporan yang telah dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Pendaftar Perniagaan (ROC), sebanyak 58 % dari jumlah borang permohonan untuk menubuhkan syarikat telah salah diisi oleh pemohon ( Mastura, 1999). Oleh itu, adalah wajar sekiranya pelajar Politeknik diberikan pendedahan untuk mengetahui mengenai cara-cara atau prosedur penubuhan syarikat. Menerusi penghasilan modul ini, pelajar-pelajar akan diberikan penerangan dengan jelas berkaitan dengan borang yang perlu diisi dan jumlah bayaran yuran yang perlu dijelaskan.

Selain itu, ketika pengalaman saya belajar pada peringkat Diploma Akauntansi di politeknik, saya turut diberi pendedahan berkaitan dengan mata pelajaran Keusahawanan. Pada masa itu, mata pelajaran ini diajar bagi pelajar-pelajar semester akhir di politeknik di semua jabatan pengajian. Ketika mengikuti mata pelajaran Keusahawanan, para pelajar hanya di beri pendedahan secara ringkas berkaitan dengan penubuhan syarikat. Ini dimana pelajar cuma dinyatakan bahawa sebuah Syarikat Sendirian Berhad perlu didaftarkan di Pendaftar Syarikat atau

sekarang dikenali sebagai Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Pelajar politeknik tidak didedahkan berkaitan dengan jenis-jenis borang yang perlu disediakan serta jumlah yuran pendaftaran yang perlu dibayar semasa proses penubuhan syarikat.

Bagi pelajar Diploma Akauntansi yang ingin mencebur dalam bidang pekerjaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia, perlu diberi pendedahan yang mencukupi berkaitan dengan prosedur penubuhan syarikat. Oleh yang demikian, adalah wajar agar pelajar semester akhir Diploma Akauntansi diberi pendedahan secara mendalam bagi prosedur penubuhan sebuah Syarikat Sendirian Berhad.

Tidak ramai di kalangan pelajar politeknik yang terlibat dengan bidang keusahawanan, berbanding dengan penglibatan pelajar di institusi pengajian tinggi yang lain. Walaupun pelajar Politeknik turut didedahkan dengan pendidikan Keusahawanan, namun ianya tidak dapat menyemai minat di dalam diri mereka untuk menceburinya. Oleh itu, diharap dengan pendedahan yang diberikan berkaitan dengan pengetahuan penubuhan syarikat dapat menarik minat pelajar Politeknik untuk bergiat dalam bidang keusahawanan kelak.

### 1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk menghasil dan menilai sama ada MPK tersebut dapat membantu pelajar politeknik untuk meningkatkan pengetahuan mengenai prosedur yang digunakan untuk menubuhkan Syarikat Sendirian Berhad. Disamping itu, kajian ini juga mempunyai objektif-objektif khusus seperti berikut :-

- i. Menghasilkan MPK yang mempunyai isi pengajaran yang sesuai bagi membantu pelajar politeknik meningkatkan pemahaman dan

- pengetahuan mereka mengenai tatacara dan prosedur penubuhan Syarikat Sendirian Berhad.
- ii. Menilai kebolehlaksanaan MPK yang dihasilkan dalam memberikan pemahaman kepada pelajar mengenai prosedur penubuhan Syarikat setelah pelajar menggunakan MPK berkenaan.
  - iii. Mengenalpasti kesan penggunaan MPK dalam membantu pelajar politeknik yang mengambil kursus keusahawanan dalam usaha untuk memberikan pemahaman mengenai prosedur penubuhan Syarikat Sendirian Berhad.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini diharap dapat menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:-

- i. Adakah modul yang dihasilkan ini bersifat kebolehlaksanaan dalam membantu pelajar bagi meningkatkan pengetahuan mereka mengenai prosedur penubuhan Syarikat Sendirian Berhad ?
- ii. Adakah penggunaan MPK yang dihasilkan memberi kesan penggunaan MPK membantu pelajar untuk meningkatkan pemahaman mereka dalam prosedur penubuhan Syarikat Sendirian Berhad ?

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan panduan kepada tiga pihak yang berkepentingan iaitu pensyarah Politeknik, pelajar-pelajar yang


mengikuti kursus Keusahawanan dan Jabatan Pendidikan Teknikal. Kepentingan-kepentingan bagi pihak-pihak yang berkaitan adalah seperti berikut :-

#### **1.5.1 Pensyarah Politeknik**

Pensyarah bagi Jabatan Perdagangan telah diberikan tanggungjawab dan mandat untuk mengendalikan kursus Keusahawanan bagi setiap pelajar Politeknik. Dengan menggunakan MPK Prosedur Penubuhan Syarikat Sendirian Berhad ini bertujuan untuk memudahkan pensyarah dalam mengendalikan kursus Keusahawanan. Pensyarah dapat menggunakan MPK ini untuk dijadikan sebagai bahan rujukan bagi mengajar pelajar berkaitan dengan Prosedur Penubuhan Syarikat.

#### **1.5.2 Pelajar Politeknik**

Memberikan pemahaman yang lebih bagi meningkatkan lagi minat dan peluang pelajar untuk menceburi dalam bidang keusahawan dan perniagaan apabila telah tamat pengajian kelak. Pelajar dapat menggunakan MPK ini sebagai garis panduan sekiranya berminat untuk menubuhkan Syarikat Sendirian Berhad apabila tamat pengajian kelak.



Akta Syarikat 1965.

Kang Shaw Meng (1997). " Company Secretarial Practice in Malaysia".  
2nd Edition, The Malaysian Association of The Institute of  
Chartered  
Secretarial and Administrators.

Seminar Pengurusan dan Pentadbiran Syarikat Sendirian Berhad  
daripada perspektif Undang-undang , 26 Januari 1995.

Taufik Mohd Salleh dan Nordin Ahmad, "Penubuhan Syarikat  
Sendirian Berhad". Jurnal MAICSA. Jilid 4. m/s 11 – 15.

Zuaini Ishak dan Nora Aziah Abd Manaf (1999). "Penubuhan  
Syarikat  
dan Memorandum dan Artikel Syarikat". Sintok, Universiti Utara  
Malaysia.

Zuaini Ishak dan Nora Aziah Abd Manaf (1999). " Setiausaha dan  
Daftar Statutori Syarikat", Sintok, Universiti Utara Malaysia.

[http : // www.syarikat.com.my](http://www.syarikat.com.my)